



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

**BUKU PANDUAN**  
**PERMOHONAN INSENTIF**  
**PENGELUARAN TERNAKAN**

21 May 2008

**BUKU PANDUAN  
PERMOHONAN INSENTIF PENGELUARAN TERNAKAN**

**I. PENDAHULUAN**

Kerajaan telah bersetuju untuk memberi insentif Pengeluaran ternakan berdasarkan pengeluaran yang dihasilkan bermula 1 Jun 2008

**II. KEGUNAAN BUKU PANDUAN**

Buku panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua penternak ingin yang memohon insentif pengeluaran.

**III. PENTERNAK YANG LAYAK**

Semua Penternak lembu pedaging integrasi, tradisional dan fidlot; lembu tenusu; kambing; biri-biri; ayam/itik/puyuh pedaging dan penelur; dan babi yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan

**IV. SYARAT KELAYAKAN**

Syarat kelayakan umum adalah seperti berikut :-

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Syarikat yang sekurang-kurangnya 51% ekuitinya dimiliki oleh warganegara Malaysia.
- c. Mempunyai hak pemilikan tapak projek yang sah.
- d. Berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- e. Mempunyai Buku Rekod Ladang ternakan yang mempunyai rekod stok ternakan, pengeluaran dan jualan ternakan untuk sembelihan
- f. Hasil ternakan adalah untuk daging, susu atau telur
- g. Mempunyai Akaun Simpanan Agrobank Malaysia

## V. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

SOP untuk setiap komoditi adalah seperti berikut:

### a. Lembu susu

Bagi penternak lembu tenusu, penternak mestilah:-

- Mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Membuat pengesahan stok di buku rekod ladang
- Menghantar susu ke PPIT untuk ditimbang
- Susu yang dihasilkan lulus ujian kualiti
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

### b. Ayam, itik dan puyuh penelur

Penternak perlulah

- Mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Membuat pengesahan stok mengikut umur dan reban di buku rekod ladang
- Merekod pengeluaran telur harian
- Merekod jualan telur harian
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

### c. Ayam pedaging

- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan reban di buku rekod ladang
- Ada rekod jualan setiap pusingan mengikut reban
- Sistem all-in-all-out (setiap kandang)
- Ada rekod pengeluaran ladang
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

### d. Ayam kampung

- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan reban di buku rekod ladang
- Ada rekod jualan
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

**e. Lembu fidlot**

- Tempoh pemeliharaan sekurang-guna 100 hari
- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan kandang di buku rekod ladang
- Sistem pengeluaran intensif
- Ada rekod pembelian
- Ada rekod sembelihan dari JPV
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

**f. Lembu / Kerbau Pedaging**

- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan kandang di buku rekod ladang
- Sistem integrasi dan tradisional
- Ada rekod pembelian & Ada rekod sembelihan dari JPV
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

**g. Kambing / biri-biri**

- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan reban di buku rekod ladang
- Sistem tradisional dan intensif
- Ada rekod pembelian
- Ada rekod sembelihan dari JPV
- Tuntutan setiap bulan disokong dengan dokumen

**h. Babi**

- Penternak mendaftar di Pejabat Veterinar Daerah
- Pengesahan stok mengikut umur dan kandang di buku rekod ladang
- Ada rekod pembelian
- Ada rekod sembelihan dari JPV
- Ada passport ladang
- Efluen sistem pengolahan sisa mencapai < 50 ppm BOD

\* SOP boleh dipinda mengikut kesesuaian komoditi dan negeri

## **VI. CARA MEMOHON INSENTIF**

### **1. Mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah/Negeri**

- a. Mendapatkan borang pendaftaran insentif mengikut komoditi. Satu borang satu komoditi dalam satu ladang. Satu borang untuk setiap ladang. Borang didapati dengan:
  - i. Muat turun dari laman web JPV
  - ii. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah/Negeri

Contoh borang seperti lampiran 1

- b. Mengisi maklumat yang diperlukan dengan betul
- c. Menyerahkan kepada J Daerah/negeri.
- d. Penternak akan diberi dengan buku Rekod Ladang bila Pendaftaran diluluskan
- e. Penternak perlu membuka akaun dengan Agrobank

### **2. Menyelenggara Buku Rekod Ladang**

- a. Penternak perlu mengisi segala maklumat yang diperlukan dalam buku rekod ladang dan menyimpannya dengan baik
- b. Penternak perlu memaklumkan kepada JPV 2 minggu sebelum hasil ladang dijual
- c. Pegawai JPV akan membuat verifikasi ke atas buku rekod ladang & ladang

### **3. Membuat tuntutan Insentif**

- a. Tuntutan insentif boleh dibuat sebulan sekali
- b. Penternak mendapatkan borang tuntutan di JPV
- c. Contoh borang tuntutan seperti di Lampiran 2
- d. Melengkapkan jumlah hasil yang dijual dalam borang tuntutan selaras dengan rekod buku ladang
- e. Menyerahkan borang tuntutan dan buku rekod ladang kepada JPV Daerah
- f. Membenarkan ladang untuk diperiksa oleh pegawai JPV daerah

#### 4. Keputusan tuntutan Insentif

- a. Insentif akan dimaklumkan oleh pegawai PPV Daerah
- b. Penternak boleh menyemak akaun Agrobank untuk mengetahui duit insentif telah dimasukkan dalam akaun.

### VII. PENETAPAN KATEGORI PENTERNAK

Kriteria kategori penternak adalah seperti **Jadual 1**

**Jadual 1 : Kategori Penternak**

Jenis Ternakan	Saiz pengeluaran	
	Komersil	Kecil
Ayam/itik penelur- ekor/tahun	> 10,000	< 10,000
Puyuh penelur – ekor / pusingan	> 100,000	< 100,000
Ayam/itik pedaging- ekor/tahun	> <b>20,000 *</b>	< 20,000
Puyuh pedaging – ekor / pusingan	> 100,000	< 100,000
Lembu Tenusu ekor/tahun	> 50	< 50
Kambing / biri-biri ekor/tahun	> 300	< 300
Lembu Fidlot ekor/pusingan atau ekor/tahun	> 200 > 600	< 200 < 600
Lembu Integrasi/tradisional ekor/tahun	> 100	< 100
Babi -SPP	> 1,000	< 1,000

**\* Nota: Ayam Pedaging Komersil tidak layak memohon insentif.**

## VIII. KADAR INSENTIF

Kadar insentif mengikut kategori penternak iaitu kecil dan komersil adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Kadar Insentif mengikut Komoditi**

Komoditi	Kadar Insentif	
	Komersil	Kecil
1 Kg Daging Ayam/Itik/Puyuh	0.260	0.78
1 Kg telur ayam/itik Puyuh	0.137	0.411
1 Kg Daging lembu/kerbau (sistem fidlot)	0.374	1.122
1 Kg Daging lembu/kerbau (Sistem integrasi / tradisional)	0.200	0.600
1 Kg Daging kambing/biri-biri	0.553	1.659
1 liter susu	0.065	0.195
1 Kg daging babi	0.130	0.770

## IX. CARA PENGIRAAN INSENTIF

Bil	Komoditi	Berat Hidup (A) Kg	Kadar daging (B)	Kadar insentif(C)	Jumlah Insentif (D)
1	Lembu fidlot	Berat hidup	35%		AXBXC
2	Lembu integrasi/tradisional	Berat hidup	35 %		
3	Kambing	Berat hidup	45 %		
4	Ayam	Berat hidup	60%		
5	Telur ayam	Bil telur	17		AXC/B
6	Telur itik	Bil Telur	15		
7	Telur puyuh	Bil telur	100		
8	Susu	Liter	-		AXB

## X. MAKLUMAN KHAS

Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak melantik mana-mana orang perseorangan atau syarikat untuk menjadi penasihat/jururunding dalam pelaksanaan program pemberian insentif ini.

## XI. BORANG

Terdapat 2 jenis borang iaitu **Borang pendaftaran** dan **Borang tuntutan**. Borang pendaftaran berbeza mengikut komoditi. Guna borang yang betul sebagaimana berikut:-

BIL	Komoditi	Borang Pendaftaran
1	Ayam/Itik/Puyuh pedaging	JPH-INS-01-1
2	Ayam/Itik/Puyuh	JPH-INS-01-2
3	lembu/kerbau (sistem fidlot)	JPH-INS-01-3
4	Lembu Tenusu	JPH-INS-01-4
5	Lembu/kerbau Integrasi	JPH-INS-01-5
6	Kambing	JPH-INS-01-6
7	Babi	JPH-INS-01-7
		Borang Tuntutan
8	Semua komoditi	JPH-TN-01

## XII. BUKU REKOD LADANG

Terdapat 7 Buku Rekod Ladang untuk menentukan jumlah pengeluaran komoditi ternakan yang dijalankan. Buku rekod ladang adalah seperti di bawah

BIL	Jenis Buku Rekod Ladang
1	Ayam/Itik/Puyuh pedaging
2	Ayam/Itik/Puyuh
3	lembu/kerbau (sistem fidlot)
4	Lembu Tenusu
5	Lembu/kerbau Integrasi
6	Kambing
7	Babi

## XIII. PENUTUP

Buku panduan pelaksanaan Program Pemberian Insentif diharapkan dapat dijadikan rujukan yang berguna semasa memohon insentif ternakan.